

Motivasi dan Halangan Bagi Pelajar Asing Menguasai Bahasa Melayu Melalui Pembelajaran Secara dalam Talian di Universiti Teknologi Malaysia

Motivation and Obstacles for Foreign Students to Master the Malay Language through Online Learning at Universiti Teknologi Malaysia

Halimah Ma'alip

Akademi Bahasa, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

Khuzaiton Zakaria

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan,
Universiti Malaysia Kelantan

Che Hazira Che Roza

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Nurul Adila Zulkipli

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap motivasi pelajar asing dalam menguasai bahasa Melayu secara pembelajaran dalam talian. Selain itu, kajian ini juga menghuraikan halangan yang mempengaruhi mereka dalam menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran dalam talian. Kaedah kuantitatif dan instrument soal selidik telah digunakan bagi memperoleh data kajian ini. Sebanyak 227 orang responden dipilih merupakan pelajar asing yang mengambil Kursus Bahasa Melayu Komunikasi dari pelbagai negara. Data dianalisis dan dipaparkan dalam bentuk min, sisihan piawai dan tahap interpretasi. Dapatan kajian ini mendapati bahawa min keseluruhan bagi tahap motivasi pelajar asing dalam menguasai bahasa Melayu secara dalam talian ialah tinggi. Hal ini membuktikan bahawa pelajar asing ini masih bersemangat untuk menguasai bahasa Melayu walaupun pembelajaran dijalankan secara dalam talian. Min keseluruhan bagi halangan pelajar asing menguasai bahasa Melayu ialah sederhana dan membuktikan bahawa halangan ini hanya dihadapi oleh segelintir pelajar sahaja. Sikap pelajar yang bermotivasi tinggi mampu mengatasi setiap halangan. Pelajar perlu menyesuaikan diri pada musim pandemik ini dan menggunakan peluang ini untuk meningkatkan pengetahuan dalam pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian.

Kata Kunci: Halangan, motivasi, pelajar asing, penguasaan bahasa Melayu, pembelajaran secara dalam talian

ABSTRACT

This study was conducted to determine the level of motivation of foreign students in mastering the Malay language in online learning. In addition, this study also describes the obstacles that affect them in mastering the Malay language through online learning. Quantitative methods and questionnaire instruments were used to obtain the data of this study. Respondents who

selected a foreign students who taking courses Malay Language Communication consists of various countries. Data were analyzed and displayed in the form of mean, standard deviation and level of interpretation. This study found that the overall mean level of motivation for foreign students in mastering the Malay language in online learning is high. This proves that foreign students are still eager to master the Malay language learning even conducted in online learning. While the overall mean of obstacles for foreign students mastering the Malay language is simple and prove that this obstacle faced by only a handful of students. The attitude of highly motivated students as well as the role of teachers or lecturers can overcome every obstacle. Students and teachers or lecturers need to adapt in this pandemic season and use this opportunity to increase their knowledge in online learning and teaching.

Keywords: Obstacles, motivation, foreign students, mastering in Malay Language, online learning

1.0 PENGENALAN

Pengantarabangsaan bidang pendidikan negara ini telah menjadikan Malaysia sebagai salah satu hub pendidikan yang terkenal di rantau Asia Tenggara. Malaysia menjadi pilihan pelajar dari luar negara untuk melanjutkan pelajaran mereka bukan sahaja kerana sistem pendidikan yang berkualiti tetapi prasarana yang disediakan juga adalah baik.

Oleh itu, tidak hairan jika universiti awam mahupun swasta di Malaysia menjadi pilihan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian. Secara tidak langsung, kemasukan pelajar antarabangsa di universiti awam dan swasta menjadikan kursus Bahasa Melayu ditawarkan sebagai kursus wajib di peringkat pengajian prasiswazah kepada mereka. Khuzaiton Zakaria dan Thana Abdullah (2014) mengatakan bahawa Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 telah mewajibkan pelajar antarabangsa untuk mengambil kursus bahasa Melayu ini sebagai syarat pengijazahan mereka. Oleh itu, pelajar asing di Malaysia haruslah mendapatkan gred yang baik dalam kursus bahasa Melayu yang ditawarkan supaya mereka dapat memperolehi ijazah mereka.

Selain itu, subjek atau kursus bahasa Melayu yang ditawarkan di Malaysia dikenali dengan pelbagai nama dan mengikut institusi pengajian itu sendiri (Siti Saniah Abu Bakar, 2013). Antara nama bagi kursus ini ialah Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing, Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa, Bahasa Melayu Asas atau Bahasa Kebangsaan. Awang Sariyan (2006) juga menyatakan bahawa subjek bahasa Melayu ini telah diperkenalkan kepada pelajar asing yang mendaftar di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Mereka diwajibkan untuk mengikuti kursus ini semasa dalam tempoh pengajian mereka. Pelajar asing juga diwajibkan untuk lulus dalam kursus ini sebagai syarat pengijazahan mereka. Kursus ini dikenali sebagai Bahasa Melayu Komunikasi. Kursus ini hanya menekankan pada kemampuan untuk memahami bahasa yang membolehkan mereka memahami pendengaran, pertuturan, bentuk tulisan serta mampu menyampaikan pesanan secara ringkas. Kursus ini juga diharapkan dapat membantu pelajar asing untuk menggunakan bahasa Melayu secara sederhana semasa berkomunikasi dengan masyarakat Malaysia.

Pandemik Covid-19 yang bermula pada 18 Mac 2020 menyebabkan proses pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian telah menjadi kemestian dan bukan lagi pilihan. Lundin (2014) menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian (OLL) menggunakan pelbagai media elektronik dan

mempunyai faedah seperti akses bahan pendidikan lebih meluas dan menggalakkan komunikasi antara pelajar dan pengajar. Pembelajaran secara dalam talian ini meningkatkan pengetahuan teknologi dan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar. Dalam kajian Siti Balqis Mahlan dan Muniroh Hamat (2020) mendapati beberapa aplikasi yang digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian iaitu WhatsApp, Telegram, Google Meet dan Zoom. Pelajar perlu memanfaatkan setiap kemajuan teknologi ini untuk keperluan pembelajaran mereka.

Di samping itu, Jung, Kudo dan Choi (2012) menyatakan bahawa pelajar yang melalui pembelajaran secara dalam talian berisiko untuk menghadapi masalah yang berkaitan dengan aspek psikologi seperti kebimbangan dan tekanan perasaan. Masalah ini berlaku disebabkan halangan-halangan yang berlaku semasa proses pembelajaran dalam talian seperti talian internet lemah, masalah peranti yang digunakan atau masa pembelajaran yang tidak sesuai membantutkan proses pembelajaran mereka. Faktor-faktor ini telah dikategorikan kepada faktor pelajar, pengajar, program latihan dan persekitaran. Mohd Zaki Ahmad dan Mohd Zaki Abd, Rahman (2014) berpendapat bahawa motivasi dalam pembelajaran bahasa dapat merangsang pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam penguasaan sesuatu bahasa.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian bagi kajian yang dijalankan ini adalah:

1. Mengetahui tahap motivasi yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing.
2. Menghuraikan halangan yang mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu melalui pembelajaran secara dalam talian.

3.0 SOROTAN KAJIAN

Pembelajaran bahasa kedua adalah salah satu proses dalam mendalami dan menguasai sesebuah bahasa selepas menerima proses pemerolehan bahasa pertama dan ia juga merupakan satu bentuk pembelajaran yang baharu bagi individu yang belum didedahkan dengan bahasa tersebut. Bagi pelajar asing yang menuntut di institut pengajian tinggi sama ada awam mahupun swasta adalah diwajibkan untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka ketika menuntut pelajaran di Malaysia.

Menurut kajian oleh Noor Zuhidayah Muhd Zufkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2017) yang mengenal pasti kekangan pelajar asing dalam mempelajari bahasa Melayu dan tindakan yang diambil oleh mereka untuk mengatasi masalah ini. Kajian ini menunjukkan antara kekangan yang menghalang pelajar untuk menguasai bahasa Melayu ialah penterjemahan, tatabahasa, kosa kata, sebutan dan imbuhan. Kekangan utama mereka dalam pembelajaran bahasa Melayu ialah masalah linguistik. Kajian ini juga mendapati kebanyakan pelajar akan mengambil insentif sendiri untuk

menyelesaikan kekangan tersebut. Antara cara yang digunakan untuk mengatasi masalah ini ialah mengulangi sesuatu kosa kata, memahami konteks sesuatu situasi, penggunaan kamus dan mencuba berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu. Kajian ini dapat menyedarkan pengajar atau guru untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing ini erbeza dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa pertama atau kedua. Guru atau pengajar dicadangkan untuk melakukan analisis linguistic kontrastif untuk mencari persamaan dan perbezaan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran supaya bahan yang digunakan untuk pengajaran lebih sesuai dan berkesan.

Selain itu, kajian Irma Mahad, Ugartini Magesvaran dan Intan Nur Syuhada Hamzah (2021) yang berkaitan sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan” yang mendapati sangat positif. Kajian ini mendapati bahawa PdP dalam talian telah meningkatkan sikap dan motivasi murid untuk belajar bahasa Melayu. Pembelajaran bahasa Melayu berbantuan aplikasi digital ini menarik minat, sikap dan motivasi murid untuk mempelajari bahasa Melayu secara dalam talian di rumah. Faktor latar belakang sosioekonomi murid juga tidak mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu secara atas talian. Murid-murid Tahun 5 daripada keluarga B40, M40 dan T20 mempelajari bahasa Melayu seperti biasa. Jurang sosioekonomi tidak menghalang mereka untuk belajar bahasa Melayu secara dalam talian. Mereka menunjukkan sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara dalam talian. Penularan Covid-19 ini secara tidak langsung meningkatkan kreativiti guru atau pengajar untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka.

Dalam kajian Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2018) iaitu “Motivasi Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing” menekankan bahawa motivasi merupakan faktor yang penting dalam mendorong dan mempengaruhi cara seseorang bertindak bagi mencapai sesuatu matlamat. Responden bagi kajian ini merupakan pelajar dari Pusat Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe Frankfurt, Jerman. Hasil kajian ini mendapati bahawa pelajar ini lebih bermotivasi intrinsik berbanding motivasi ekstrinsik. Mereka belajar bahasa Melayu kerana minat yang tinggi terhadap bahasa ini dan keunikan bahasa ini menyebabkan mereka tertarik untuk mempelajarinya. Motivasi intrinsik ini dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa Melayu berbanding motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik ini merupakan faktor dalaman seperti keinginan dan kepuasan yang lebih mendominasi dalam kajian ini berbanding motivasi ekstrinsik seperti mendapatkan pekerjaan atau lain-lain. Kajian ini juga dapat menyedarkan guru dan pelajar untuk mengambil tindakan bagi memastikan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu ini motivasi positif.

Namun begitu, terdapat sesetengah pelajar asing mengalami kebimbangan dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Menurut Nurul Shahida Jamil (2017), kebimbangan pelajar asing dalam menguasai bahasa Melayu adalah bergantung kepada keperibadian mereka yang turut menjejaskan proses pembelajaran bahasa kedua. Tambahan pula, kebimbangan tersebut turut membuatkan pelajar asing kurang yakin untuk menguasai bahasa Melayu dengan efektif.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah kuantitatif dan menggunakan instrument soal selidik. Kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif dilakukan melalui kajian eksperimental dan data numerika yang dikutip serta dianalisis oleh ujian statistik (Chua, 2011). Kaedah ini digunakan bagi memperoleh data primer melalui borang soal selidik. Soal selidik ini mempunyai tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A merupakan soalan berkaitan demografi responden atau pelajar asing seperti umur, jantina dan lain-lain. Bahagian B berkaitan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing UTM, Skudai, Johor yang mempunyai 10 soalan. Bahagian C merupakan soalan yang berkaitan dengan halangan untuk pelajar asing menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran secara dalam talian yang mengandungi 10 soalan. Kaedah ini digunakan bagi memperoleh data untuk kedua-dua objektif kajian ini iaitu motivasi dan halangan pelajar dalam pembelajaran secara dalam talian.

Responden kajian ini adalah sebanyak 227 orang yang terdiri daripada pelajar asing yang Kursus Bahasa Melayu Komunikasi di Akademi Bahasa Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Mereka belajar dalam pelbagai bidang yang berumur antara 18 hingga 22 tahun dan berasal dari pelbagai negara seperti Bangladesh, Mesir, Arab Saudi dan China. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti motivasi yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing dan menghuraikan halangan penguasaan bahasa Melayu melalui pembelajaran secara dalam talian sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah kuantitatif dalam program *The Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS Window versi 23.0) digunakan untuk menganalisis data kajian yang telah dikumpulkan. Data tersebut akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan min, sisihan piawaian dan tahap interpretasi.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan kajian tentang tahap motivasi dan halangan bagi pelajar asing dalam menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran dalam talian dilakukan dengan melihat skor min yang berpandukan kepada tahap interpretasi bagi setiap aspek yang dibincangkan. Tahap interpretasi yang digunakan bagi analisis tahap motivasi ialah tahap interprestasi oleh Oxford (1990). Sebaliknya analisis bagi halangan yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu ialah tahap interprestasi yang digunakan dalam kajian Jamil (2002). Berikut adalah pengelasan tahap interprestasi berdasarkan analisis skor min.

Jadual 1 Tahap Interpretasi oleh Oxford (1990)

Nilai	Tahap
1.00 – 2.49	Rendah
2.50 – 3.49	Sederhana
3.50 – 5.00	Tinggi



Jadual 2 Interpretasi Min bagi Halangan yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Melayu

Nilai Min	Tahap Interpretasi
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

5.1 Tahap Motivasi bagi Pelajar Asing Menguasai Bahasa Melayu Melalui Pembelajaran Secara dalam Talian

Motivasi didefinisikan sebagai kecenderungan diri individu untuk melakukan sesuatu perkara. Dengan kata lain, motivasi adalah suatu penggerak atau sokongan dalam mengejar sesuatu kemahuan dan keinginan untuk mendapat sesuatu seperti matlamat dalam kehidupan. Motivasi terbahagi kepada dua jenis, iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik (Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria, 2019). Motivasi intrinsik adalah rangsangan dalaman dalam diri individu yang tidak perlu memerlukan dorongan daripada faktor luaran iaitu individu tersebut mengawal dirinya secara sepenuhnya. Individu yang mempunyai motivasi intrinsik ini akan sedaya upaya untuk mencapai matlamat namun mereka tidak boleh dipaksa disebabkan akan berlakunya penurunan persepsi mereka dalam mencapai matlamat. Motivasi ekstrinsik adalah rangsangan yang wujud daripada faktor luaran yang bertujuan untuk membawa seseorang melakukan sesuatu aktiviti yang berfaedah untuk diri mereka. Kebiasannya, motivasi ekstrinsik mudah dialami oleh seseorang apabila mereka menerima pujian, insentif, hadiah dan lain-lain yang menjadi pendorong semangat mereka untuk mendapatkan sesuatu. Selain itu, hubungan motivasi dengan pembelajaran bahasa asing sebagai bahasa ketiga juga memainkan peranan dalam proses pembelajaran bahasa yang mempengaruhi tahap penguasaan bahasa dan keseronokan mempelajari bahasa tersebut (Zhang, Dai dan Wang, 2020).

Bagi kajian ini, tahap motivasi pelajar asing telah ditinjau berdasarkan soal selidik yang diedarkan bagi melihat motivasi dalam diri pelajar ketika menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di institut pengajian tinggi. Tambahan pula, pelajar ini hanya menguasai bahasa Melayu secara dalam talian memandangkan kuliah secara bersemuka tidak dapat dilakukan ketika pandemik Covid-19 dan hal ini menjadi satu faktor yang mungkin akan mengganggu tahap motivasi mereka. Carta di bawah menunjukkan jumlah peratusan bagi tahap interpretasi yang tertinggi dan rendah bagi tahap motivasi pelajar dalam perbelajaran secara dalam talian.

Carta 1: Keyakinan dalam mempelajari kursus**Carta 2: Kesukaran dalam penguasaan kursus ini****Jadual 3** Taburan Motivasi bagi Pelajar Asing Menguasai Bahasa Melayu melalui Pembelajaran Secara dalam Talian

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
5.	Saya yakin dapat mempelajari perkara asas yang diajar dalam kursus ini.	4.35	0.81	Tinggi
10.	Mengambil kira kesukaran menguasai bahasa yang diajarkan dalam kursus ini secara dalam talian, saya berasa sukar mendapatkan keputusan yang baik dalam kursus ini.	2.78	1.16	Sederhana
	Keseluruhan	4.00	0.63	Tinggi

Berdasarkan jadual di atas yang merupakan taburan tahap motivasi pelajar asing dalam menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran dalam talian, dapat dilihat bahawa item 5 menunjukkan skor min yang paling tinggi, iaitu dengan nilai min dan sisihan piawai 4.35 ± 0.81 yang secara tidak langsung juga menunjukkan tahap interpretasi yang tinggi. Item 5 merujuk kepada keyakinan pelajar dalam mempelajari perkara asas yang terkandung dalam kursus bahasa Melayu menonjolkan tahap motivasi belajar bagi pelajar asing. Berdasarkan hasil skor min bagi item ini, jelaslah bahawa pelajar asing mempunyai sikap positif, iaitu keyakinan diri yang tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu walaupun bahasa ini merupakan bahasa yang baharu didedahkan dalam diri mereka namun pelajar tetap bersemangat untuk menguasainya. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2017) yang mengatakan bahawa sikap positif yang terdapat dalam diri pelajar akan secara tidak langsung menjadikan diri mereka lebih mudah untuk menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Manakala, item 10 pula menunjukkan skor min yang paling rendah berbanding item lain dalam motivasi pelajar. Item 10 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai sebanyak 2.78 ± 1.16 dan tahap interpretasi item ini berada pada tahap yang sederhana. Item 10 merujuk kepada perasaan pelajar yang merasakan sukar untuk mendapatkan keputusan yang baik disebabkan kaedah pembelajaran yang berbeza daripada sebelum ini. Berdasarkan kepada nilai min item ini, tahap motivasi pelajar dilihat berada pada tahap yang rendah disebabkan pelajar tidak merasakan kursus ini sukar untuk mereka memperoleh keputusan yang cemerlang walaupun proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan dalam talian. Malahan, hal ini tidak menjadi penghalang untuk pelajar mendapat keputusan yang baik dan pelajar tetap berusaha dan bersikap positif. Hal ini turut disokong oleh Christine Linsah dan Zamri Mahamod (2018) yang menjelaskan bahawa penerimaan pelajar terhadap aktiviti dalam sesuatu subjek atau kursus dapat mewujudkan minat yang mendalam dalam pembelajaran subjek tersebut malah penerimaan pelajar tersebut hanya memfokuskan kepada isi yang terkandung dalam subjek dan hal ini tidak menjadi isu apabila berlakunya pembelajaran secara dalam talian seperti mana yang dilakukan pada zaman kini.


Secara keseluruhannya, tahap motivasi pelajar asing berada pada tahap yang tinggi, iaitu dengan nilai min dan sisihan piawai 4.00 ± 0.63 . Hal ini jelas menunjukkan bahawa pembelajaran dalam talian tidak mengganggu pelajar asing untuk menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Malahan, pelajar juga mengalami dua jenis motivasi, iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Pelajar sentiasa mendorong diri mereka untuk mempelajari perkataan baharu dalam bahasa Melayu dan mempunyai sikap ingin tahu. Tenaga pengajar juga turut mendekati pelajar dengan membentuk komunikasi dua hala yang efektif secara tidak langsung membentuk motivasi ekstrinsik disebabkan komunikasi yang berkesan yang mampu mendorong pelajar untuk menguasai bahasa Melayu. Azieyana Aziz dan Christina Andin (2018) juga berpendapat bahawa penglibatan pelajar dan tenaga pengajar secara aktif dalam sesebuah perbincangan dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk berfikir dan memberikan hujah berkaitan isu yang dibangkitkan.

5.2 Halangan Mempengaruhi Pelajar Asing untuk Menguasai Bahasa Melayu Melalui Pembelajaran Secara dalam Talian


Dapatan kajian pada bahagian ini menghuraikan halangan yang dihadapi oleh pelajar asing untuk menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran secara dalam talian. Kajian yang dibuat oleh Siti Saniah Abu Bakar (2013) telah mendapati bahawa terdapat 11 halangan yang menjadi faktor untuk pelajar asing tidak mampu bertutur dalam bahasa Melayu dan mengkategorikan kepada empat bahagian. Faktor-faktor tersebut ialah pelajar, pengajar, program latihan dan persekitaran dan kajian berfokuskan kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing. Kajian yang dijalankan hanya menumpukan pada halangan seperti sikap pelajar dan persekitaran mereka sendiri. Fokus kajian ini ialah halangan yang pelajar asing hadapi dalam menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran secara dalam talian. Oleh yang demikian, sikap pelajar yang lalai dalam mengikuti pembelajaran secara dalam talian secara tidak langsung menjadi halangan untuk mereka menguasai bahasa Melayu.

Di samping itu, persekitaran juga menjadi penyumbang kepada faktor yang menghalang pelajar untuk menguasai bahasa Melayu. Kesukaran untuk berkomunikasi dengan rakan sekelas menyebabkan mereka tidak dapat berbincang atau menyelesaikan sesuatu konsep yang kurang difahami. Mereka juga tidak dapat melatih diri untuk bertutur dalam bahasa Melayu kerana dikelilingi oleh penutur bahasa ibunda mereka kerana kebanyakan masih tinggal bersama keluarga di negara masing-masing ekoran daripada pandemik Covid-19. Carta di bawah menunjukkan peratusan bagi tahap interpretasi tinggi dan rendah bagi halangan yang dihadapi pelajar asing dalam menguasai bahasa Melayu secara dalam talian.

Carta 3: Keperluan untuk berjumpa guru secara bersemuka



Carta 4: Tertekan kerana menunggu balasan mesej daripada guru



Jadual 4 Taburan Halangan bagi Pelajar Asing Menguasai Bahasa Melayu melalui Pembelajaran Secara dalam Talian

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Intrepretasi
6.	Saya merasakan saya perlu berjumpa dengan guru secara bersemuka untuk memintanya menjelaskan konsep yang tidak saya fahami dengan lebih baik daripada membincangkannya dalam talian.	3.37	1.14	Sederhana
7.	Saya berasa tertekan lama menunggu balasan mesej saya daripada guru.	1.93	1.09	Rendah
Keseluruhan		2.69	0.71	Sederhana

Berdasarkan jadual 4 menunjukkan taburan bagi halangan yang mempengaruhi pelajar asing dalam menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran dalam talian. Item 6 menunjukkan skor min yang paling tinggi yang mempunyai nilai min dan sisihan piawai iaitu 3.37 ± 1.14 dengan tahap interpretasi sederhana. Item 6 menyatakan bahawa perjumpaan dengan guru secara bersemuka supaya mereka lebih memahami sesuatu konsep lebih baik berbanding dengan membincangkannya secara dalam talian. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah untuk memahami sesuatu konsep dan perlu berjumpa dengan guru mereka untuk mendapatkan penerangan yang lebih mendalam. Namun begitu dalam melalui pandemik covid-19 ketika ini, pengajaran dan pembelajaran hanya boleh dilakukan secara dalam talian. Oleh itu, guru atau pensyarah haruslah bijak memainkan peranan untuk merancang dan merangka aktiviti bagi mengatasi halangan ini. Hal

ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian yang dilakukan oleh Ahmad Johari dan Siti Asfarina (2010) mengatakan bahawa keutamaan ciri pengajaran pensyarah yang baik wujud daripada persepsi pelajar itu sendiri. Selain itu, Siti Saniah (2012) juga menyatakan cara penyampaian pensyarah dapat mendorong pelajar untuk menguasai sesuatu subjek. Penggunaan aplikasi seperti Quizlet dan Kahoot dalam pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam menguasai bahasa Melayu.

Item 7 menunjukkan skor min yang paling rendah jika dibandingkan dengan item lain yang menjadi halangan pelajar untuk menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran dalam talian. Nilai min dan sisihan piawai bagi item 7 ialah 1.93 ± 1.09 dengan tahap interpretasi rendah menunjukkan bahawa responden kurang menghadapi situasi tekanan untuk mendapat respons daripada guru mereka. Situasi ini berlaku apabila pelajar memerlukan maklumat tambahan atau mencari penyelesaian berkaitan pembelajaran mereka. Antara aplikasi digunakan oleh pelajar untuk berkomunikasi dengan pensyarah atau guru mereka ialah WhatsApp dan Telegram. Mojtaba dan Mahsa (2018) mengatakan bahawa pelajar akan mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran melalui WhatsApp berbanding dengan secara bersemuka. Kajian Siti, Maisurah, Zia dan Norazah (2014) juga mendapati bahawa WhatsApp mampu menjadi alat bantuan mengajar yang efektif bagi pelajar yang kurang aktif untuk memberikan tindak balas yang lebih positif. Hal ini kerana halangan utama dalam penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing ini merupakan faktor pelajar itu sendiri. Komunikasi antara pelajar dan guru secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan dan kemampuan pelajar asing untuk menggunakan bahasa Melayu.

Min keseluruhan bagi halangan yang mempengaruhi pelajar asing dalam menguasai bahasa Melayu iaitu 2.69 ± 0.71 bagi nilai min dan sisihan piawai diikuti dengan tahap interpretasi sederhana. Hal ini jelas menunjukkan bahawa hanya segelintir pelajar asing menghadapi halangan sepanjang pembelajaran secara dalam talian ini dijalankan. Pembelajaran secara dalam talian ini dapat menghubungkan pelajar dengan pensyarah tanpa mengira waktu dan tempat. Rossafri dan Shabariah (2011) mengatakan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan medium maya atau secara dalam talian ini dapat meningkatkan motivasi dan kefahaman pelajar dalam sesuatu subjek. Arthur dan Brafli (2013) juga mengatakan bahawa internet kini telah menjadi platform yang paling mudah dan digemari oleh golongan pensyarah dan pelajar untuk menyampaikan ilmu dan mencari maklumat berkaitan pendidikan seperti nota-nota tambahan dan soalan-soalan tahun lepas. Mereka juga dapat berkongsi pendapat, melakukan perbincangan tentang tugas atau membuat latihan melalui internet. Namun begitu, terdapat juga pelajar yang menghadapi halangan dalam menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran secara dalam talian. Manzoor (2020) juga menganggap bahawa pembelajaran secara dalam talian ini mewujudkan ketidakadilan kepada golongan tertentu kerana tidak mempunyai akses yang mencukupi untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini memperlihatkan bahawa tahap motivasi pelajar asing untuk menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran secara dalam talian masih tinggi. Mereka tidak terganggu untuk menguasai

bahasa Melayu walaupun pembelajarannya dilaksanakan secara dalam talian. Sikap guru atau pensyarah yang tidak berputus asa dalam membentuk interaksi bersama pelajar secara tidak langsung meningkatkan lagi semangat mereka untuk menguasai bahasa Melayu. Halangan seperti pelajar tidak dapat memahami konsep dan memerlukan kelas secara bersemuka menyebabkan terdapat pelajar tidak mampu menguasai bahasa Melayu dengan betul. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa sikap motivasi pelajar yang tinggi dan cara guru atau pensyarah dalam menyampaikan pembelajaran secara dalam talian dapat mengatasi halangan-halangan tersebut. Oleh itu, pelajar dan tenaga pengajar perlulah menyesuaikan diri dengan norma baru kesan daripada pandemik ini. Pembelajaran secara dalam talian yang memerlukan pelajar dan tenaga pengajar berinteraksi menggunakan sistem elektronik seperti internet. Kajian yang lebih berfokuskan aplikasi atau kaedah pengajaran yang berkesan dalam menguasai bahasa Melayu secara dalam talian boleh dijalankan. Hal ini demikian supaya dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada tenaga pengajar dalam pengajaran bahasa Melayu terhadap pelajar asing dengan kaedah yang lebih menarik walaupun secara dalam talian.

RUJUKAN

- Ahmad Johari and Sarimin, Siti Asfarina. 2010. Keutamaan Ciri-Ciri Pengajaran Pensyarah yang Baik daripada Persepsi Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. <http://eprints.utm.my/id/eprint/10723/> [8 Ogos 2021].
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. 2019. Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of The Malay World and Civilisation*. 7(3): 23-30.
- Arthur, C. & Brafi, P. O. 2013. Internet Use Among Students in Tertiary Institutions in the Sunyani Municipality. Ghana. *Library Philosophy and Practice (e-journal)*. Paper 859.
- Awang Sariyan. 2011. Kemajuan Bahasa Melayu di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa: Cabaran dan Pelan Tindakan. Kertas Kerja Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), 12-14 Oktober 2011.
- Azieyana Aziz & Christina Andin. 2018. Penggunaan Strategi Pembelajaran Koperatif untuk Meningkatkan Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 43(1): 1-9.
- Chua, Y. P. 2011. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Mcgraw-Hill Education.
- Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2017. Pengaruh Faktor Sosial dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 74-84.
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran & Intan Nur Syuhada Hamzah. 2021. Sikap dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 11(1): 16-28.
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru Sekolah: Satu Penilaian. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Jung, Insung, Masayuki Kudo, and Sook Kyoung Choi. 2012. Stress in Japanese Learners Engaged in Online Collaborative Learning in English. *British Journal of Educational Technology*. 43(6): 1016-29.
- Juwairiah Osman *et al.* 2018. Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang. *Journal of Malay Language, Education, and Literature*. 61-79.
- Khuzaiton Zakaria, and Thana Abdullah. 2014. Mengajar Bahasa Melayu kepada Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia. *Professional Development in Education (PDE 2014) Teaching and Learning in The 21st Century: Aspirations and Challenges*. 11-12 June 2014,
- Lily hanefarezan Asbullah *et al.* 2018. Tahap Motivasi Holistik, Intrinsik, dan Ekstrinsik terhadap Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Graduan Universiti Awam. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*. 33: 75-93.
- Lundin, L. L. 2014. E-Learning. *Salem Press Encyclopedia*.
- Manzoor, A. 2020. Online Teaching and Challenges of COVID-19 for Inclusion of Persons with Disabilities in Higher Education.
- Mardian Shah Omar, Azman Rahmat, & Yusfarina Mohd Yussof. 2017. Menyulam Budaya dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*. 21(2): 81-92.
- Mohd Zaki Ahmad & Mohd Zaki Abd. Rahman. 2014. Intrinsik dan Ektrinsik: Tinjauan Motivasi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama. *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC)*. 17-18 November 2014. 422-450.
- Mojtaba, A. & Mahsa, A. 2018. The Effect of Online Cooperative Learning on Students' Writing Skills and Attitudes through Telegram Application. *International Journal of Instruction*. 11(3): 433-448.
- Noor Zuhidayah Mohd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar. 2017. Kekangan Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing. *Proceedings of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL) 2017*.
- Nurul Shahida Jamil. 2017. Kebimbangan Pelajar Antarabangsa dalam Mempelajari Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. 30-40.
- Oxford, R. L. 1990. *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House Publisher.
- Rossafri Mohamad & Shabariah Mohamad Shariff. 2011. Kesan Penggunaan Laman Sosial Ke Atas Kaedah Perbincangan di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*. 1(1): 75-80.
- Siti Balqis Mahlan, Maisurah Shamsuddin, Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri & Norazah Umar. 2014. An Evaluation of Learning Style: WhatsApp Application Based on One Sample T-Test. *The Proceedings of 5th International Conference on Science & Technology: Applications in Industry & Education (ICSTIE 2014)*. 66-69.
- Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat. 2020. Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. <https://docplayer.info/202576226-Pengajaran-dan-pembelajaran-dalam-talian-semasa-perintah-kawalan-pergerakan.html> [Dicapai pada 19 Julai 2021].

- Siti Saniah Abu Bakar. 2012. *Pandangan Pelajar Dalam Tugas Drama Yang Dijalankan Semasa Mempelajari Bahasa Melayu*. Dlm. Mahzan Arshad, Idris Mohd Radzi & Naffi Mat. 2012. *Memartabatkan Bahasa Melayu: Pengajaran dan Pembelajaran*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Saniah Abu Bakar. 2013. Kekangan Pelajar Asing dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 3(1): 52-62.
- Zhang, Huiyu, Ying Dai & Yingchong Wang. 2020. Motivation and Second Foreign Language Proficiency: The Mediating Role of Foreign Language Enjoyment. *Sustainability*. (12): 1-13.